

32 hilang nyawa akibat nyamuk

Sehingga minggu ke-45 tahun lalu (4 hingga 10 November), sebanyak 18,679 kes denggi dengan 32 kematian dilaporkan di seluruh Malaysia. Ia sekali gus menunjukkan peningkatan cukup merisaukan baik dari segi jumlah kes denggi mahupun jumlah kematian berbanding tahun lalu.

Ini kerana statistik pada 2011 sehingga minggu ke-45 menunjukkan bahawa jumlah kes denggi yang direkodkan sebanyak 16,885 dengan jumlah kematian 28. Ringkasnya ini menunjukkan peningkatan 11 peratus iaitu 1,794 kes dan peningkatan sebanyak empat kes kematian.

Peningkatan statistik ini jelas merungsingkan kerana dalam diam dan secara senyap denggi menjadi antara ancaman dan penyakit utama yang boleh membawa maut kepada rakyat.

Melihat senario ini, keadaan memerlukan pembabitkan semua pihak untuk menangani kes denggi secara serius, termasuk individu dan ahli masyarakat, agensi kerajaan, syarikat korporat serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kita perlu sedar bahawa tidak wajar dan tidak adil untuk meletak tanggungjawab memerangi nyamuk aedes ini di bahu pihak kementerian semata-mata tatkala kita yang menjadi penyumbang dan punca utama kepada pembiakan nyamuk terbahit baik di rumah, premis perniagaan, taman perumahan mahupun di pejabat.

Ternyata selama ini kita lebih gemar menuding jari menyalahkan pihak lain tanpa menyedari empat lagi jari terarah kepada kita sendiri.

Masyarakat kita juga dilihat masih terus mementingkan diri sendiri dengan tidak mempedulikan dan tidak mahu mengambil tahu apa yang berlaku di sekitar dengan alasan tidak mahu menjaga tepi kain orang yang akhirnya menyebabkan virus denggi ini terus merebak menjadi wabak semakin sukar untuk dikawal.

Tanggungjawab semua

Kita perlu berubah dengan memikul tanggungjawab secara bersama. Ini melalui pembabitkan diri dalam program membendung wabak ini anjuran pelbagai pihak seperti agensi kerajaan ataupun oleh NGO yang prihatin.

Masyarakat boleh juga terbahit dalam program COMBI (Communication for Behavioural Impact) di seluruh negara. Melalui penyertaan ini, ia dapat membantu komuniti mencapai matlamat tingkah laku yang dicadangkan komuniti itu

sendiri.

Jika masyarakat mengamalkan tingkah laku berkenaan secara proaktif, ia akan membantu dalam usaha pencegahan dan kawalan denggi serta penularan virus denggi di peringkat komuniti terbabit.

Sikap kita yang suka membuang sampah merata-rata di luar rumah atau di kawasan perumahan seperti tayar terpakai, tempurung kelapa, botol dan tin kosong di samping membiarkan saluran air hujan mahupun longkang dan parit bertakung sering kali menyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes serta penularan virus denggi.

Malah, di dalam rumah sendiri kita sering cuai dan leka dengan membiarkan baldi, bekas perangkap semut, piring menakung air pasu bunga dan sebagainya tanpa dibersihkan untuk tempoh masa lama.

Tindak-tanduk kita ini jelas menjadi penyumbang utama kepada penularan wabak berbahaya ini. Ternyata adakalanya kita tidak sedar bahawa perbuatan kita sendiri yang menyumbang kepada penularan wabak berbahaya ini.

Di samping mengenali tempat pembiakan nyamuk aedes, kita juga perlu mengenali nyamuk aedes serta tanda demam denggi agar kita boleh mengambil tindakan sewajarnya dengan segera, terutama untuk mendapatkan rawatan segera.

Fahami tabiat aedes

Nyamuk aedes berbelang hitam dan putih di badan dan kaki menggigit mangsa antara jam 5 pagi dan 7 pagi dan awal senja iaitu sekitar jam 5 petang hingga 7 malam.

Antara tanda demam denggi pula ialah demam kuat yang mengejut dan berlarutan, sakit teruk pada tulang, otot, sendi dan biji mata, ruam merah di kulit, pendarahan di bawah kulit, pada hidung dan gusi, sakit kepala, hilang selera makan serta muntah dan sakit perut.

Individu yang mempunyai simptom ini perlu segera ke klinik berhampiran untuk mendapatkan rawatan lanjut dan mengelak kematian.

Malah, melalui pengesanan segera, pasukan kementerian juga dapat bertindak lebih awal bagi menjalankan aktiviti kawalan bagi mengelak jangkitan merebak menjadi wabak denggi dan menjangkiti lebih ramai lagi anggota masyarakat setempat.

Penulis berkelulusan Sarjana Komunikasi Korporat adalah Ketua Bahagian Perancangan Korporat UPM